

16 NOV 2002

Wong-SNAP/I

WONG MAHU GUNA SEMUA SALURAN UNDANG-UNDANG HIDUPKAN SEMULA SNAP

KUCHING, 16 Nov (Bernama) -- Datuk Amar James Wong, bekas presiden Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP), yang dibatalkan pendaftarannya pada 5 Nov lepas, akan menggunakan semua saluran undang-undang untuk menghidupkan semula parti itu.

Keputusan itu dicapai pada satu mesyuarat yang diadakan di sini, hari ini. Selain Wong, 80, turut menghadiri mesyuarat itu ialah bekas setiausaha agung Datuk Justine Jinggut dan timbalannya Stanley Jugol serta anggota-anggota SNAP.

Mesyuarat itu dipengerusikan oleh bekas anggota jawatankuasa eksekutif pusat SNAP Edwin Dundang Bugak, yang kemudian memberitahu sidang media bahawa kumpulan Wong akan memfailkan bantahan ke atas keputusan ROS itu di mahkamah minggu depan.

SNAP telah dibatalkan pendaftarannya oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS) Datuk Ismail Dollah Harun pada 5 Nov berikutan kegagalannya menyelesaikan krisis kepimpinan parti berusia 41 tahun itu.

Edwin juga berkata jika Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi membenarkan Wong menemui mereka hari ini, Wong akan segera ke Kuala Lumpur.

Edwin berkata kumpulan Wong menolak untuk menyertai parti baru, Parti Progresif Demokratik Sarawak (SPDP), dan menyalahkan parti itu di atas pembatalan SNAP.

Katanya jika semua saluran undang-undang masih gagal membantu menghidupkan semula SNAP, semua bekas anggota parti itu akan secara beramai-ramai menyertai parti komponen Barisan Nasional (BN) pilihan mereka.

"Kami akan memberitahu pihak media bila dan parti mana yang akan disertai," katanya.

Menurutnya Anggota Undangan Dewan Negeri Limbang Richard Wong akan menyertai mana-mana parti BN pilihannya seperti yang diputuskan oleh pengerusi BN Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud yang juga Ketua Menteri.

Edwin berkata anggota-anggota yang menghadiri mesyuarat hari ini juga menyatakan kekesalan dan kekecewaan mereka di atas tindakan ROS itu dan berpendapat keputusan itu dibuat tanpa alasan kukuh.

"Parti-parti politik lain juga mempunyai masalah dalaman tetapi ROS tidakpun membatalkan pendaftaran mereka," katanya sambil menambah SNAP adalah parti komponen yang setia dengan BN selain merupakan sebuah parti utama di Sarawak.

"Oleh itu, langkah membatalkan pendaftaran SNAP tanpa alasan kukuh adalah sangat tidak adil. Anggota-anggota parti berpendapat keputusan dan tindakan ROS itu amat menyedihkan," katanya.

Wong, yang berdiam diri mengenai perkara itu sejak 5 Nov, hari ini berkata bahawa hubungan bapa dan anak tidak akan menjejaskan keputusan Richard menyertai parti BN pilihannya.

Ditanya mengenai rancangannya jika SNAP dapat dihidupkan semula, beliau berkata: "Saya tidak tahu. Mimpi, mimpi..."

-- BERNAMA

FLL NAK